

INTERNATIONAL CONFERENCE ON APPLICATIONS AND DESIGN IN MECHANICAL ENGINEERING 2009 (ICADME 2009)

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik turut menganjurkan satu persidangan berteraskan aplikasi dan rekabentuk dalam bidang kejuruteraan mekanikal iaitu International Conference on Application and Design in Mechanical Engineering (iCADME) 2009. Persidangan ini berjalan serentak dengan persidangan ICoMMS 2009, pada 11 hingga 13 Oktober lalu namun mempunyai sasaran peserta yang berbeza.

Menurut Dekan PPK Mekatronik, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom, persidangan ini merupakan platform terbaik untuk para peserta bertukar-tukar ilmu pengetahuan mengenai aplikasi dan rekabentuk dalam bidang kejuruteraan mekanikal. "Persidangan ini memainkan peranan penting terutama bagi ahli-ahli akademik dan penyelidik muda untuk memperoleh pengalaman baru bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam bidang akademik, sains dan program-program penyelidikan.

"Saya amat mengharapkan generasi muda ini mendapat pengalaman yang amat bermakna memandangkan mereka lah yang bakal memikul cabaran dan perkembangan teknologi di masa akan datang," katanya lagi. Selain itu, Dr. Abdul Hamid berkata, persidangan itu turut menetapkan objektif untuk meningkatkan kesedaran umum dalam bidang aplikasi dan rekabentuk selain pendedahan bagi membolehkan setiap ahli

akademik atau penyelidik menyelesaikan masalah yang mungkin timbul dalam bidang berkaitan.

"Kami juga amat mengharapkan persidangan yang bertemakan - Towards The Understanding of Recent Trends In Applications And Design Mechanical Engineering ini mampu mewujudkan jalinan kerjasama baru antara peserta yang terlibat," jelas beliau.

Persidangan tersebut membabitkan 2 tutorial, empat ucaptama serta 74 pembentangan kertas kerja penuh yang dikendalikan dalam 13 sesi pembentangan. Sepertimana ICoMMS 2009, ICADME 2009 turut mendapat sokongan dari penaja iaitu Aldebaran, Cytron,Cenfotec and WBF. Seramai 74 peserta menyertai persidangan tersebut yang mana 54 daripadanya adalah dari Malaysia, 10 orang dari Negara-negara Asia Barat, 6 orang dari India, Bangladesh dan masing-masing seorang dari Sri Lanka dan Australia.

FAKTA PERSIDANGAN :

Jumlah penyertaan - 74

Peserta Antarabangsa - 24

Jumlah keseluruhan kertas kerja - 185

Kertas kerja yang disahkan (diterima) - 116

Kertas kerja yang dibentangkan - 74

